

PM gesa negara2 Komanwel tingkat kerjasama

SUVA (FIJI), Jumaat - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru negara-negara Komanwel rantau Asia Pasifik supaya meningkatkan kerjasama serantau demi memelihara prestij kumpulan itu.

Berekap semasa membuka perbincangan dalam sidang tertutup atas tajuk "Kerjasama Ekonomi dan Kefungsian Serantau".

Bellau berkata, inilah satu cara memulihkan semula Komanwel.

"Komanwel sebenarnya sedang dalam ujian," ujar bellau.

"Sekiranya negara-negara Komanwel di rantau kita tidak boleh menghasilkan kerjasama ekonomi dan kefungslan prestij Komanwel akan menurun, dan keberkesanan nilai Komanwel sendiri akan di persoalkan," tambahnya.

Kenyataan ini seolah-olah menjawab tuduhan bahawa Malaysia mahu menjarakkan diri dalam Komanwel, berikutan dengan keengganan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hadir dalam sidang kemuncak seluruh Komanwel di Melbourne tahun lalu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia